

E-NEWSLETTER

Memperkasa Keselamatan Siber, Melindungi Generasi Digital

WEBINAR DECEMBER

**RISIKO KAMERA TERSEMBUNYI :
APA PERLU ANDA TAHU (slot 1)**

4 DECEMBER 2025 | KHAMIS | 3:00PM - 4:30PM

**RISIKO KAMERA TERSEMBUNYI :
APA PERLU ANDA TAHU (slot 2)**

18 DECEMBER 2025 | KHAMIS | 3:00PM - 4:30PM

HARI BERSAMA KOMUNITI NADI KAMPUNG KOPIMPINAN

Putatan, Sabah | 22 November 2025 – Program Hari Bersama Komuniti (HBK) telah berlangsung dengan meriah di NADI Kampung Kopimpinan, Sabah. Majlis ini bertujuan merapatkan hubungan antara agensi, komuniti setempat serta memberi pendedahan berkaitan perkhidmatan dan inisiatif kerajaan. Pihak penganjur merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB Tan Sri Dato' (Dr) Johari Bin Abdul atas kesudian beliau hadir, meninjau serta meluangkan masa di booth NADI x Cybersecurity, sekali gus menunjukkan komitmen beliau terhadap usaha memperkasa keselamatan siber dan pembangunan komuniti digital di Sabah.

HARI BERSAMA KOMUNITI DAN TEMU ANAK MUDA DI NADI KAMPUNG KOPIMPINAN



Putatan, Sabah | 8 November 2025 . Program Hari Bersama Komuniti (HBK) yang dianjurkan di NADI Kampung Kopimpinan, Sabah berlangsung dengan penuh meriah dan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada penduduk setempat. Kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB Datuk Fahmi Fadzil, Menteri Komunikasi, kerana sudi meluangkan masa melawat booth NADI x Cybersecurity. Kehadiran beliau benar-benar memberi suntikan semangat kepada pasukan kami untuk terus memperkasakan literasi keselamatan digital dalam kalangan komuniti.



MODUS OPERANDI



1. KURIER PALSU

bagi fail APK
konon parcel
ada masalah .

2. BANK PALSU

suruh muat
turun APK
untuk
kemaskini
akaun .

3. KERJA PALSU

minta pasang
APK untuk daftar
atau beri tugas
kerja .

4. BAYARAN PALSU

hantar APK sebagai
helah untuk semak
penerimaan
bayaran .



BAHAYA



MUAT TURUN APLIKASI TIDAK SAH

(malware)



TIPS DAN NASIHAT

KESAN



1

Duit Hilang - Scammer boleh masuk akaun bank anda dan pindahkan wang .

2

Telefon DiGodam - Semua mesej, gambar, aplikasi boleh dicuri dan dikawal .

3

Maklumat Peribadi Dicuri - Nama , IC dan nombor telefon disalahgunakan untuk penipuan lain .

1

Beli hanya di platform yang selamat. Jangan buat urusan PM tepi.

2

Jangan muat turun aplikasi daripada individu tidak dikenali.

4

Segera hubungi 997 jika terkena scam

3

Jangan muat turun aplikasi dari sumber yang tidak rasmi atau mencurigakan.

MAKLUMAT UNTUK DIHUBUNGI SEKIRANYA ANDA MENJADI MANGSA JENAYAH SIBER

POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)

- Pengadu boleh hadir ke balai polis berhampiran bagi pembukaan kes dengan laporan secara bertulis

TALIAN KASIH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWK)

- Pengadu boleh menelefon talian 15999 yang dibuka 24 jam
- Menggunakan Aplikasi Whatsapp 019 - 2615 999

TALIAN BEFRIENDERS

- untuk sokongan moral, sila hubungi 03-76272929
sam@befrienders.org.my

CYBERSECURITY MALAYSIA

- Laporan insiden: <https://aduan.cybersecurity.my>
- Talian bantuan: 1-300-88-2999
- E-mel: cyber999@cybersecurity.my

